

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**BENTUK-BENTUK KESENIAN DALAM *SERAHANG KAUL* YANG
MENJADI LAMBANG KEPADA IDENTITI MELANAU.**

Michelle Milly Binti Pully

52476

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(WA59 - Pengurusan Seni)

2018

**BENTUK-BENTUK KESENIAN DALAM *SERAHANG KAUL* YANG
MENJADI LAMBANG KEPADA IDENTITI MELANAU.**

MICHELLE MILLY BINTI PULLY

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni
Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: BENTUK-BENTUK KESENIAN DALAM SERAHANG KAUL YANG MENJADI LAMBANG KEPADA IDENTITI MELANAU

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya : MICHELLE MILLY BINTI PULLY

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

- SULIT
- TERHAD
- TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)
 (mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan

Tandatangan Penulis
 Tarikh :
 Alamat tetap :
 NO 49, Jalan Kampung Tellian Daya,
 96400 Mukah,
 Sarawak.

Tandatangan Penyelia
 Tarikh : 11.6.18

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda *Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Menurut pandangan umum, seni merupakan sesuatu yang diciptakan oleh manusia dan ia mempunyai nilai estetika atau keindahan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, seni bermaksud karya seperti sajak, lukisan, muzik, dan sebagainya yang dicipta dengan bakat atau kecekapan, hasil daripada sesuatu ciptaan. Manakala kesenian pula dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Kedua bermaksud segala sesuatu yang berkaitan dengan seni iaitu ilmu seni, pengetahuan tentang seni secara umum.

Menurut Stuart Hall (1996), identiti pula bermaksud persoalan yang menggunakan sumber sejarah, bahasa dan budaya dalam proses menjadikannya. Meskipun identiti dengan jelasnya merupakan persoalan tentang 'siapakah kita' atau 'dari manakah asalnya kita', namun ia juga persoalan yang bertanyakan 'ke mana kita akan pergi'.

Budaya pula berasal dari bahasa Sanskrit iaitu 'buddhayah', merupakan wujud dari kata jamak buddhi (budi atau akal) yang diertikan sebagai hal yang memiliki kaitan dengan budi, serta akal manusia. Manakala kebudayaan pula menurut Clifford Geertz (1973), adalah sesuatu yang semiotik atau bersifat semiotis, iaitu hal-hal berhubungan dengan simbol yang tersedia didepan umum dan dikenali serta diperlakukan oleh masyarakat yang berkenaan.



Gambar 1.1 : *Serahang Kakan Kaul* merupakan seni tradisi kaum Melanau di Mukah, Sarawak. (Sumber diperolehi : Google Image).



Gambar 1.2 : Antara upacara ritual Kaul (2017) yang menggunakan *serahang kakan* sebagai medium untuk persembahan. (Sumber diperolehi : Google Image)

1.2 Latar Belakang Kajian

Melanau merupakan salah satu etnik yang terdapat di pedalaman negeri Sarawak. Secara majoritinya, masyarakat Melanau tinggal di bahagian Mukah, namun terdapat juga kelompok kecil kaum lain seperti Iban, Cina dan Melayu di bahagian ini. Menurut Puji (1998), seperti kaum lain, masyarakat Melanau juga mempunyai budaya dari segi adat dan kepercayaan yang unik dan istimewa (Puji, 1998). Ia menjadikan masyarakat Melanau hadir dengan identiti yang tersendiri di mata masyarakat luar. Salah satu adat dan kepercayaan masyarakat Melanau sejak dahulu ialah sambutan Pesta Kaul.

Menurut Awang Azman (2001), Pesta Kaul merupakan acara keagamaan masyarakat Melanau pagan pada zaman dahulu. Pesta ini secara tradisinya diraikan di kawasan pesisiran pantai. Masyarakat Melanau menjalankan pelbagai jenis kegiatan ekonomi. Namun kegiatan ekonomi utama mereka ialah menangkap ikan memandangkan kedudukan geografi mereka yang berada di kawasan pesisiran pantai. Para nelayan mempercayai bahawa setiap laut ada penunggu. Penunggu atau dikenali juga sebagai 'ipok' perlu disembah. Hal ini demikian kerana, mereka percaya bahawa 'ipok' boleh menjaga mereka daripada sebarang malapetaka ketika mencari rezeki (Awang Azman, 2001).

Oleh hal yang demikian, menurut Jeniri Amir (2017), Pesta Kaul ini disambut bagi menjalankan upacara penyembahan penunggu laut atau 'ipok'. Pesta ini kebiasaanya diadakan selepas musim tengkujuh berlalu. Orang ramai akan berkumpul di pesisir pantai bersama-sama makanan yang perlu dibawa untuk menjamu ipok. Contoh makanan yang perlu ada ialah bertih, kuih penyaram, beras kuning dan sebagainya. Ketika upacara menjamu ipok diadakan, kesemua makanan ini akan diletakkan di dalam tujuh buah bekas yang diperbuat daripada daun nipah lalu bekas akan dimasukkan ke dalam talam yang dipanggil 'serahang'. (Jeniri Amir, 2017).

Menurut Awang Azman (2001), semasa upacara menjamu ipok dijalankan, seorang individu akan dilantik menjadi 'bapak kaul'. Bapak kaul berperanan sebagai pengantara yang menghubungkan manusia dengan ipok ketika upacara tersebut. Bapak kaul adalah orang yang bertanggungjawab dalam memastikan upacara tersebut berjalan lancar iaitu mengikut adat tradisi sebenar menjamu ipok. (Awang Azman, 2001).

Sungguhpun demikian, ia hanyalah gambaran kepada makna sambutan Pesta Kaul pada suatu ketika dulu. Kini, setelah kedatangan agama Islam dan Kristian, masyarakat Melanau pagan semakin berkurang. Kebanyakan mereka sudah menganut agama Islam atau Kristian dan meninggalkan amalan animisme tersebut.

1.3 Permasalahan kajian

Serahang merupakan “kepala hantaran” kepada ipok semasa ritual Kaul dijalankan. Motif pada *serahang* ialah gambaran daripada sistem kepercayaan atau kosmologi Melanau, khususnya sejauh yang berkaitan dengan ipok. Menurut Jeniri Amir, (2017), tanpa *serahang*, kaul itu dianggap tidak sah. *Serahang* perlu dibuat mengikut motif yang sesuai. Untuk itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji dengan lebih mendalam tentang *serahang* agar motifnya difahami khususnya dalam kalangan komuniti Melanau sendiri.

1.4 Objektif kajian

- i. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penghasilan serahang Kaul dalam masyarakat Melanau.
- ii. Mengkaji makna bentuk-bentuk kesenian dalam serahang Kaul yang menjadi lambang kepada identiti masyarakat Melanau.

1.5 **Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan bagi kajian ini ialah agar pengkaji memahami dengan lebih mendalam tentang *serahang*. Selain itu, kajian ini penting untuk generasi akan datang mengetahui tentang serahang tidak hanya pada luaran tetapi juga dari sudut makna yang perlu difahami. Akhir sekali, kajian ini penting untuk generasi baru menghargai sesebuah produk seni dan budaya seperti serahang supaya tidak pupus ditelan zaman.

1.6 Limitasi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian mengenai serahang kakan atau serahang Kaul di Mukah, Sarawak. Ia menjurus kepada kajian terhadap faktor persekitaran yang mempengaruhi penghasilan serahang dan juga makna tersirat pada bentuk-bentuk kesenian yang ada pada serahang. Pengkaji mencadangkan agar kajian penyelidikan seterusnya dijalankan ke atas roh atau semangat dalam serahang.

1.7 Pendefinisian Kajian

Melanau merupakan salah sebuah etnik di Sarawak. Menurut Moris (1978), beliau mengaitkan orang Melanau sebagai orang Kajang. Ejaan yang merujuk kepada kaum ini telah banyak kali berubah seperti *Milanowes*, *Milanos*, *Melano* dan kini yang lebih mantap dan diterima umum adalah Melanau. Bagi orang Melanau sendiri, mereka lebih suka menggelarkan kaum mereka sebagai *a liko*. *A liko* boleh ditafsirkan dengan pelbagai makna. *A liko* ada dikatakan merujuk kepada petempatan penduduk. Namun apabila ditinjau secara lebih meluas *a liko* bermaksud “dunia” dan “peribumi”.

Masyarakat Melanau percaya kepada kuasa alam iaitu *Ipok*. Menurut Jeniri Amir dan Awang Azman (2001), setiap *ipok* mempunyai kuasa mutlak ke atas domain yang didiami dan dikuasainya. *Ipok* dipuja dalam keramaian seperti Kaul. Perayaan Kaul merupakan suatu acara tahunan yang diraikan oleh masyarakat Melanau iaitu penyembahan terhadap makhluk halus iaitu *ipok* kala. Kala dalam dialek Melanau bermaksud muara sungai manakala *ipok* ialah kuasa ghaib yang menguasai tempat berkenaan.

Seperti perayaan tradisi kaum lain di dunia, Kaul juga mempunyai upacara ritual. Upacara ritual berkenaan digelar ritual *Serahang Kakan*. Menurut Eduine Kusai (2018), *Serahang* dalam Bahasa Melayu bermaksud ‘ancak’ atau dulang persembahan. Ritual ini menggunakan *Serahang Kakan* sebagai medium utama persembahan. *Kakan* bermaksud makanan, yakni makanan yang diakan dipersembahkan kepada *ipok* ketika ritual dijalankan.

1.8 Penutup

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji telah memberi gambaran tentang kajian yang dijalankan. Pengkaji membuat penerangan mengenai perkara yang ingin dicapai melalui kajian ini dengan menetapkan beberapa objektif. Selain itu, pengkaji juga memberi beberapa definisi tentang kata kunci yang berkenaan dengan kajian di bahagian pengenalan. Di samping itu, pengkaji turut menjelaskan beberapa perkara lain seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, limitasi kajian dan lokasi kajian. Akhir sekali pengkaji turut memberi keterangan yang ringkas mengenai acara yang akan dikaji iaitu Pesta Kaul Mukah.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pendahuluan

Sorotan kesusteraan merupakan kajian yang telah dilaksanakan oleh para penyelidik terdahulu yang mempunyai perkaitan dengan tajuk kajian yang dikaji oleh penyelidik sekarang iaitu Bentuk-bentuk kesenian yang tangible dalam sambutan Pesta Kaul yang menjadi lambang kepada identiti masyarakat Melanau. Selain itu, sorotan ini juga bagi mengukuhkan lagi maklumat yang diperolehi oleh penyelidik berdasarkan bahan-bahan yang mempunyai kaitan dengan kajian penyelidik terdahulu.

Seterusnya, sorotan kesusasteraan juga memberi peluang kepada penyelidik untuk merumuskan hala tuju kajian ini adalah untuk mengkaji sesuatu yang benar-benar wujud dalam kehidupan masyarakat. Ia membuktikan suatu perkara yang sama pernah berlaku pada masa dan tempat yang berbeza. Hasil daripada pembacaan penyelidik, ternyata bahan rujukan ini mempunyai ruang yang mana penyelidik lepas tidak menyentuh tentang kajian ini.

2.2 **Irwin Hersey. *Indonesian Primitive Art*. 1991.**

Buku ini menyediakan pengenalan kepada subjek (objek seni yang wujud). Ia menggambarkan sejarah seni primitif Indonesia dari asal-usulnya dalam budaya Dong-son Vietnam Utara hingga sekarang, dan mengungkap bagaimana konsepsi hidup, kematian, dan alam semesta bersama telah membentuk seni dari berbagai kumpulan suku yang menyebar melalui kepulauan terbesar di dunia. Walaupun terdedah kepada gelombang berturut-turut iaitu pengaruh Hindu, Hindu, Islam, dan Barat, patung-patung yang luar biasa diperbuat daripada kayu dan batu -dalam ukuran monolitik- dan tekstil dan perhiasan yang dihasilkan oleh orang-orang kepulauan ini membuktikan kekayaan, daya hidup, dan ketahanan budaya mereka. Pengkaji merujuk kepada buku ini sebagai literatur kerana penceritaannya yang melibatkan perkaitan antara kebudayaan dan kesenian. Penceritaan dalam buku ini jelas tentang bagaimana mula datangnya kesenian yang asli ke suatu kawasan sehingga hasil kesenian yang pengkaji boleh lihat pada zaman sekarang.


2.3 Jeniri Amir. Pengertian Kaul. 2017.

Menurut Jeniri Amir (2017), Kaul pada awalnya diamalkan apabila wabak campak dan diarrhaea melanda beberapa buah kampung dan ramai penduduk terkorban akibat wabak tersebut. Hal ini menimbulkan ketakutan dalam kalangan penduduk, lantas pelbagai usaha dilakukan untuk menghentikan wabak tersebut. Suatu malam, seorang lelaki telah bermimpi dan diberi petanda dalam mimpinya bahawa "*ipok*" atau semangat yang menyebabkan wabak itu perlu dipelihara dan diberi makan. Untuk itu, wujudlah Kaul sebagai pesta yang boleh menghiburkan semangat atau *ipok*. Setelah Pesta Kaul diadakan, wabak penyakit telah berhenti tersebar (Jeniri Amir, 2017).

Kaul yang pada dasarnya adalah pembentangan persembahan dalam bentuk makanan dan barang-barang lain yang ditempatkan di *serahang*, bekas tenunan di atas panggung, dan ditempatkan di tempat tertentu di pantai. Majlis ini diadakan dengan kepercayaan bahawa ia akan menenangkan semangat laut, sungai dan hutan. Semangat nikmat akan memberikan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat pada bulan-bulan mendatang sehingga upacara seterusnya (Jeniri Amir, 2017).

2.4 Umberto Eco. *The semiotics process and the classification of the signs.* 1998.

Menurut Umberto Eco (1988), "Tanda digunakan untuk menghantar maklumat, bagi mengatakan atau bagi menunjukkan sesuatu yang seseorang tahu dan mahu orang lain tahu juga" (Eco 1988, 27). Tanda yang bersesuaian dengan model komunikasi kanonik yang ringkas ini ialah :



Rajah 2.1 : Model tanda dalam proses komunikasi. (Sumber : Google Images)

Model ini boleh diaplikasikan untuk kebanyakan proses dalam komunikasi. Walau bagaimanapun, mesej boleh disampaikan melalui saluran dari penghantar ke penerima tanpa menandakan jika pengirim dan penerima tidak berkongsi kod biasa. Selain menjadi elemen dalam proses komunikasi, tanda itu juga merupakan pelakon dalam proses penandaan (Eco, 1998).

2.5 Charles Sanders Peirce, Teori Semiotik Peirce. 1965.

Menurut Peirce, beliau mengutarakan bahwa kehidupan manusia dicirikan oleh pencampuran tanda dan cara penggunaannya dalam aktiviti yang bersifat representatif (Marcel Danesi, 2010:33). Pemahaman melalui teori ini adalah tanda yang diciptakan oleh manusia ialah representasi daripada latar belakang kebudayaan mereka. Oleh yang demikian, suatu daerah atau kawasan biasanya mempunyai tanda-tanda yang berbeza berdasarkan budaya masing-masing.

Menurut Peirce, perkara berkenaan menjelaskan bagaimana sebuah tanda dapat mewakili sesuatu yang lain, dengan demikian sebuah tanda merepresentasikan sesuatu yang mewakilinya. Representasi atau tanda dari sesuatu yang diwakili tersebut dinamakan *representamen* (X) kerana tanda mewakili sesuatu, tentu ada sesuatu yang diwakilinya, misalnya benda, figura, dan ia yang disebut dengan objek (Y). Sesuatu itu boleh menjadi sebuah tanda yang memberi makna kepada orang lain. Makna berkenaan dipanggil Interpretan (X=Y).

2.6 Aiyana Gunjan. *Decoding Culture Through The Lens of Art*. 2016.

Menurut Aiyana Gunjan (2016), makna budaya adalah tafsiran seseorang terhadap pengalaman dan ia membimbing tindakan mereka pada masa akan datang. Budaya adalah seperti tradisi iaitu sesuatu yang biasa kita lakukan.

Menurut Aiyana Gunjan mengenai Seni, Kebudayaan dan Semiotik pula, Seni bukan hanya tentang seni lukis, medium dan teknik, tetapi mencerminkan kesedaran Artis iaitu segala sesuatu yang dilakukan Artis, pengalaman dan kepercayaan serta budaya yang ada di dalamnya. Seni biasanya dipengaruhi oleh budaya, dan yang seterusnya membantu mengubah budaya.

Semiotik adalah disiplin mutakhir, menyahkodkan bagaimana makna dihasilkan dalam budaya dan masyarakat. Ia adalah perspektif luar, di mana budaya, komunikasi dan konteks adalah objek kajian. Campur tangan semiotik menganalisis semua 'teks' atau sebarang jenis pesan di mana-mana medium, yang memberi kesan kepada pembangunan sosial identiti orang dan perwakilan dalam dunia yang mereka tinggalkan.

Menurut Aiyana lagi, beliau menggunakan alat semiotik Desmond Lazaro, yaitu karya *Strokes of Devotion*. Penulisan ini adalah usaha Lazaro untuk memahami hubungan yang mendalam dan intrinsik antara Artis, Seni dan Budaya. Tidak seperti metodologi penyelidikan tradisional, semiotik tidak melibatkan wawancara utama sebaliknya kita pergi ke sumber kod & tanda-tanda.

2.7 Desmond Lazaro. *Strokes of Devotion*. 2016.

Semiotik Desmond Lazaro adalah penerokaan ke atas landskap dalaman dan ketegangan budaya pemikiran imigran. Artis menyiasat soalan asas seperti siapa saya dan di mana saya berada. Seninya adalah ekspresi yang dijelajahnya, menavigasi ketegangan budaya, memajukan sempadan dalam konteks budaya sebagai pendatang.

Menurut Desmond Lazaro, semiotik adalah disiplin mutakhir yang menerangkan bagaimana makna dihasilkan dalam budaya dan masyarakat. Ia adalah perspektif luar, di mana budaya, komunikasi dan konteks sebagai objek kajian. Semiotik terlibat dalam menganalisis semua 'teks', iaitu apa-apa jenis mesej dalam mana-mana medium yang memberi kesan kepada pembinaan sosial dan identiti manusia dan perwakilan kepada dunia yang mereka tinggalkan.

Dengan mencari 'makna tersembunyi' di sebalik sesebuah kesenian, teks dan konteks budaya, semiotik menguraikan rangka kerja kebudayaan mengenai "peraturan yang tidak bertulis" iaitu kod yang menentukan sifat dan perjalanan di belakang penciptaan seni (Desmond Lazaro, 2016). Semiotik membantu untuk mewujudkan pemahaman yang lebih mendalam tentang karya artis atau individu yang berkait dengan kehidupan manusia.

2.8 Pendekatan teoritikal.

Teori yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini ialah asas kepada teori semiotik Desmond Lazaro, 2016 dan teori semiotik Charles Sanders Peirce, 1965. Pengkaji memilih kedua-dua teori ini kerana ia bertepatan dengan objektif kajian ini.

Teori semiotik Desmond Lazaro lebih bertepatan dengan objektif pertama kajian. Lazaro merungkai disiplin mutakhir yang menerangkan bagaimana makna dihasilkan dalam budaya dan masyarakat. Ia adalah perspektif luar, di mana budaya, komunikasi dan konteks sebagai objek kajian. akan membantu pengkaji mengenal pasti tanda-tanda yang boleh memberi pemahaman dari segi faktor yang mempengaruhi kewujudan sesebuah karya seni melalui kebudayaan suatu kaum. Teori ini bertepatan dengan kajian makna tersurat pengkaji iaitu berkaitan faktor yang mempengaruhi penghasilan karya seni Melanau iaitu serahang Kaul.

Dalam objektif kedua, Teori semiotik Peirce akan digunakan bagi mengkaji makna bentuk-bentuk kesenian yang ada dalam serahang Kaul. Dalam bahagian ini ialah kajian mengenai tanda, objek dan interpretasi ke atas reka bentuk serahang Kaul. Teori ini akan membantu pengkaji menerokai makna tersirat pada setiap reka bentuk atau komponen yang ada pada serahang. Justeru, kedua-dua teori yang bertepatan ini digunakan dalam mengkaji subjek iaitu serahang Kaul Mukah.

2.9 Penutup

Kesimpulannya, melalui bab ini, pengkaji mendapat pengetahuan tentang cara penulisan kesusasteraan. Minda pengkaji juga lebih terbuka dalam menghasilkan jalan kerja yang lebih terus kepada mencapai objektif. Hal ini demikian kerana, sorotan kesusteraan yang dirujuk mendedahkan pengkaji dengan cara menjalankan sesuatu kajian menggunakan teori yang sedia ada. Pengkaji juga lebih terdedah untuk mengetahui cara-cara mencari perkaitan kajian lepas dengan kajian yang ingin dijalankan sekarang. Justeru, bagi pendapat pengkaji, kajian lepas amat penting untuk disimpan dan dibuat rujukan kerana melalui cara ini, kita dapat melihat pembaharuan dalam banyak aspek terutamanya dari segi cara penulisan tesis, penggunaan teori, perkaitan antara kajian lalu dan kajian sekarang dan banyak lagi.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah dan teknik yang pengkaji gunakan dalam mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan satu kajian yang disokong dengan bukti yang nyata. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Maksud lain metodologi ialah kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, rentak, corak dan sistem. Metodologi juga bermaksud ilmu tentang metod atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian tertentu untuk mencapai tujuan tertentu. Tujuan metodologi ialah untuk membantu pengkaji memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif.